

08 AUG 1998

UMNO-Singapura

UMNO TERENGGANU BERDIRI TEGUH DI BELAKANG PM

KUALA TERENGGANU, 8 Ogos (Bernama) -- UMNO negeri Terengganu menyokong penuh pendirian kerajaan berhubung isu Singapura termasuk ketegasan untuk meneruskan operasi Pusat Pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Malaysia di Stesen Kereta Api Tanjung Pagar di republik itu.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Konvensyen UMNO Negeri, Tengku Mahmud Mansor berkata para pemimpin UMNO di peringkat negeri yang menghadapi konvensyen UMNO hari ini sebulat suara akan berdiri teguh di belakang Perdana Menteri Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad.

"Konvensyen UMNO negeri Terengganu yang bersidang hari ini membuat ketetapan bersetuju menyokong penuh kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dalam menangani kegawatan ekonomi dan ancaman luar," katanya kepada pemberita.

Beliau berkata anggota-anggota UMNO negeri Terengganu sanggup mempertahankan kedaulatan negara dalam apa juga keadaan bagi memastikan maruah bangsa, agama dan tanah air tidak terjejas.

Tengku Mahmud berkata UMNO tidak rela dalam kegawatan ekonomi ada rakan negara-negara Asean mengganggu gugat serta cuba mengajar atau menunjuk ajar kepimpinan negara.

Sebaliknya dalam masa negara-negara anggota Asean menghadapi masalah ekonomi, tidak sepatutnya ada anggota menimbulkan isu baru yang melibatkan keselamatan negara.

"Kita berharap bukan sahaja UMNO Terengganu, tetapi juga rakyat yang cinta negara ini berdiri teguh di belakang kepimpinan negara dalam menghadapi isu ini," tegasnya.

Konvensyen UMNO sehari itu dihadiri kira-kira 1,000 orang pemimpin UMNO dari seluruh negeri ini.

-- BERNAMA

IB RI